

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 31, 2019 2:38 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TISSA Dan Universitas Airlangga Indonesia Membentuk Kerjasama Berimpak Tinggi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 OKTOBER 2019 / 3 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Madya Dr. Rohami Shafie
Gambar oleh: TISSA-UUM

TISSA DAN UNIVERSITAS AIRLANGGA INDONESIA MEMBENTUK KERJASAMA BERIMPAK TINGGI



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) telah menerima lawatan daripada delegasi Universitas Airlangga (UNAIR) Indonesia, baru-baru ini.

Delegasi UNAIR terdiri daripada tiga pensyarah yang diketuai Prof. Dr. Bambang Tjahjadi, Dr. Iman Harymawan dan Dr. Hamidah bersama 11 pelajar pasca siswazah daripada Fakulti Ekonomi dan Perniagaan memulakan lawatan ke Anjung Tamu dan diberikan taklimat tentang UUM yang disampaikan Pengurus Anjung Tamu, Amelia Hakimi.

Pengarah Institut Kajian Strategik & Pembangunan Perakaunan Mampan (ISSAD), TISSA, Prof. Madya Dr. Rohami Shafie berkata, lawatan delegasi UNAIR diteruskan dengan menghadiri sesi simposium antara pelajar PhD TISSA dan pelajar pasca siswazah UNAIR.

Dalam simposium itu, sebanyak enam sesi parallel melibatkan 20 kertas kerja telah dibentangkan oleh pelajar PhD TISSA dan UNAIR dengan membabitkan sesi perbincangan secara mendalam antara pensyarah kedua universiti beserta dua pensyarah dari UiTM Merbok

yang bertujuan untuk menambah baik kualiti kertas kerja pelajar PhD TISSA dan UNAIR ke tahap berimpak tinggi.

Pada sebelah petang pula, pelajar UNAIR dibawa melawat Perpustakaan Sultanah Bahiyah, manakala perbincangan kerjasama telah diadakan antara pihak pengurusan TISSA dan pensyarah UNAIR.

Perbincangan itu adalah bagi membentuk kerjasama berimpak tinggi yang mampan (*sustainable high impact collaboration*) antara TISSA dan UNAIR.

Sementara itu, Dr. Iman Harymawan, UNAIR amat berminat membentuk kerjasama berimpak tinggi yang mampan dengan TISSA kerana pusat pengajian ini dikenali sebagai antara pusat pengajian perakaunan yang terbaik di Malaysia dengan mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

“Sebagai antara universiti terbaik di Indonesia, UNAIR sentiasa mengintai peluang bekerjasama dengan universiti luar Indonesia yang bertaraf dunia seperti UUM.

“Justeru, kerjasama berimpak tinggi yang mampan ini amat sesuai dan tepat pada masanya dan kedua pihak telah bersetuju untuk merealisasikan kerjasama berimpak tinggi yang mampan ini,” katanya.

Ketua delegasi, Prof. Bambang Tjahjadi pula amat berpuas hati dengan program lawatan ke UUM dan TISSA kerana telah memberi banyak manfaat dan kebaikan kepada kedua-dua pihak.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.